

AMALAN PENERAPAN NILAI MURNI DALAM KALANGAN PENDIDIK PERAKAUNAN

Instilling Virtue Values Among Accounting Educators

Noor Lela bt Ahmad¹, Noraishah bt Buang², Norasmah bt Othman²

¹Faculty of Management & Economics, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjung Malim, Perak, Malaysia,

²Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abstract

This case study is designed to explore the virtue values instillation practice of five accounting teachers in their teaching of Principal Accounting subject at five secondary schools in Perak. This study was implemented based on value teaching theories Fernandes Model (1999), and Thorne Integrative Model (1998) with minor alterations to fit the study needs. This qualitative study utilised the constant comparison method for data analysis. Data was obtained from in-depth interviews, direct observation and document analysis. The selection of participants was based on purposive sampling methods, in order to facilitate an in-depth understanding of the phenomenon in question. The analysis and data collection process was conducted simultaneously and continuously until data saturation was achieved. The results of the research shows that all participants have a positive opinion that the instillation of virtue values in the teaching of Principal Accounting is important to develop wholesome humans in the field of accounting. Generally, this study showed that accounting teachers have been able to instill virtue values using specific teaching method in their teaching of Principal Accounting subject although it is still at the moderate stage.

Keywords *Virtue values, accounting education, teaching method, educators*

Abstrak

Kajian kes ini bertujuan untuk meneroka amalan penerapan nilai murni lima orang guru perakaunan dalam melaksanakan pengajaran-pembelajaran Prinsip Perakaunan dari lima buah sekolah menengah di negeri Perak Darul Ridzuan. Kajian ini dilaksanakan berasaskan teori-teori pengajaran nilai dengan mengaplikasikan Model Fernandes (1999) dan Model

Integratif Thorne (1998) dengan sedikit ubahsuaian mengikut keperluan persoalan kajian. Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan kaedah perbandingan secara berterusan (constant comparison method) untuk menganalisis data. Data diperolehi dengan menggunakan kaedah temu bual mendalam, pemerhatian langsung dan analisis dokumen. Pemilihan peserta kajian berdasarkan persampelan bertujuan bagi mendapatkan pemahaman mendalam dan terperinci tentang fenomena dikaji. Proses penganalisisan dan pengumpulan data dijalankan secara serentak dan berterusan sehingga data mencapai tahap ketepuan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan penerapan nilai murni oleh guru perakaunan dalam pengajaran-pembelajaran Prinsip Perakaunan amat penting dalam menjana modal insan bersepadu dalam lapangan perakaunan. Hasil kajian mendapati nilai-nilai murni diterapkan dalam pengajaran Prinsip Perakaunan melalui kaedah pengajaran yang digunakan namun ia masih di tahap yang sederhana.

Kata kunci nilai murni, pendidikan perakaunan, kaedah pengajaran, pendidik

PENDAHULUAN

Penerapan nilai murni secara bersepadu dalam mata pelajaran yang diajar dengan menggabungkan aspek intelek, fizikal, mental dan rohani adalah sangat penting kepada pembangunan modal insan (Kementerian Pendidikan Malaysia 2000). Perkara ini berdasarkan bahawa penerapan nilai murni secara bersepadu dalam pengajaran mata pelajaran KBSM dikatakan boleh mempengaruhi pembentukan akhlak dan moral para pelajar yang ingin dilahirkan melalui sistem pendidikan negara. Penerapan nilai murni dalam sistem pendidikan merupakan suatu elemen penting dalam konteks Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1987) bagi menjana modal insan seimbang dan bermentaliti kelas pertama (Rancangan Malaysia Kesembilan 2006). Modal insan seimbang dan cemerlang akan dapat dihasilkan melalui sistem pendidikan yang menyeluruh, tidak terpisah-pisah dan berkualiti (Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979). Dengan ini, modal insan yang memiliki kesepaduan intelek dan akhlak mampu dilahirkan melalui proses penerapan nilai murni dalam mata pelajaran yang diajar secara berterusan dengan menggabungkan komponen intelek, fizikal, mental dan rohani secara bersepadu (Kementerian Pendidikan Malaysia 2000).

Latar Belakang Kajian

Isu-isu nilai turut menjadi diskusi akademik yang hangat diperbincangkan di dalam bidang perakaunan. Isu ini giat dibincangkan terutama setelah berlakunya kontroversi skandal korporat yang melibatkan syarikat-syarikat multinasional dan antarabangsa seperti Enron, Tyco, Sunbeam, Waste Management, Rite Aid, Xerox, WorldCom dan banyak lagi syarikat lain di mana ia melibatkan salah laku perakaunan yang melibatkan kerugian yang besar kepada syarikat malah kepada masyarakat awam (Armstrong et al. 2003; Pricewaterhouse Coopers 2003). Skandal ini memberikan kesan yang hebat kepada dunia perakaunan dan

mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap kredibiliti profesion perakaunan (Early dan Kelly 2004). Guru-guru dan pendidik perakaunan turut mengakui bahawa peristiwa tersebut telah menjatuhkan reputasi profesion perakaunan (Pricewaterhouse Coopers 2003). Perkara ini menyebabkan reputasi tersebut perlu dibaiki semula (Haywood et al. 2004).

Dalam konteks bidang perakaunan, permasalahan yang banyak dibincangkan kini ialah isu berkaitan bidang perakaunan yang dikatakan semakin kurang mempedulikan sifat-sifat kemanusiaan dan lebih mementingkan keuntungan di dalam dunia perniagaan. Pendidikan perakaunan didapati lebih menekankan kepada keperluan untuk memenuhi keinginan manusia sedangkan manusia perlu menjalankan tugas dengan penuh ikhlas dan jujur seperti dikehendaki oleh agama (Frecka dan Nichols 2004; Jenning 2004). Selain itu, rungutan turut diterima dari masyarakat termasuklah pihak swasta, kerajaan serta pihak sekolah terhadap profesional perakaunan yang tidak mencapai piawaian sebagai seorang pekerja yang seimbang dan harmonis (Alexander 2002). Dengan ini, isu-isu dilema moral dan etika ini meningkatkan keperluan kepada penerapan nilai murni dalam kurikulum Pendidikan Perakaunan yang bertujuan membangunkan modal insan bersepadu yang meliputi pembentukan akhlak, sikap, moral dan keperibadian individu menurut lunas agama, budaya dan peradaban. Malah ia memberi satu cabaran kepada pendidik perakaunan bagaimana untuk menerap nilai ke dalam kurikulum perakaunan dengan lebih baik dan melahirkan pelajar perakaunan yang mempunyai integriti yang tinggi (Early dan Kelly 2004). Cadangan ini timbul didasari atas asas bahawa perakaunan mempunyai tanggungjawab yang penting dalam dunia perniagaan dan kepada masyarakat awam (Armstrong et al. 2003; Loeb 2003; Waddock 2005). Tanggungjawab ini melibatkan keperluan menjaga kebajikan awam, mempengaruhi kestabilan politik dan ekonomi negara lantas memerlukan profesion yang berintegriti dan bertanggungjawab terhadap keperluan awam (Armstrong et al. 2003).

Laporan Pricewaterhouse Coopers (2003) menunjukkan pendidik perakaunan memahami keperluan dan kepentingan untuk menerapkan nilai ke dalam pengajaran, namun sebaliknya mereka tidak mempunyai kemahiran untuk menerapkan nilai dalam pengajaran disebabkan kekangan maklumat dan bahan-bahan dari teks. Fenomena ini mungkin berpunca dari kekurangan bahan-bahan pengajaran-pembelajaran dan rujukan berkaitan nilai yang diperlukan untuk menerapkan nilai dalam pengajaran. Perkara ini disokong melalui kajian Bishop (2002) yang mendapati masih kurangnya bahan-bahan pengajaran seperti buku-buku rujukan, dokumen, teks atau maklumat berkaitan penerapan nilai yang boleh digunakan sebagai rujukan dan belum ada teknik dan strategi pengajaran yang mantap bagi mengintegrasikan nilai ke dalam kurikulum Pendidikan Perakaunan. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati kajian-kajian berkenaan persoalan bagaimana guru perakaunan menerapkan nilai murni dalam pengajaran Prinsip Perakaunan masih kurang (Armstrong et al., 2003). Hal ini menyebabkan maklumat berkaitan kaedah pengajaran yang digunakan dan pendekatan penerapan nilai murni yang diamalkan tidak dapat diketahui (Bishop 2002; Fulmer dan Cargile 2001). Sehubungan itu, kajian yang lebih mendalam berhubung proses penerapan nilai murni yang dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran Prinsip Perakaunan oleh guru-guru perakaunan sekolah menengah dilihat berupaya memberi banyak penemuan berkaitan proses penerapan nilai murni serta memberi sumbangan khazanah ilmu pengetahuan bagi tujuan perkembangan kurikulum Pendidikan Perakaunan.

Diskusi Keperluan Nilai Terhadap Kurikulum Pendidikan Perakaunan

Perakaunan merupakan satu bidang yang mempunyai piawai nilai, etika dan moral yang perlu dipatuhi oleh setiap ahlinya (AICPA 2003;). Dasar yang diamalkan dalam bidang perakaunan adalah ahli-ahlinya perlu sentiasa bertindak secara berintegriti, bertanggungjawab, jujur serta dipercayai semasa melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan (Fulmer dan Cargile 2001; Waddock 2005). Peranan yang dimainkan oleh akauntan dalam pembuatan sesuatu keputusan adalah sangat penting kepada pihak awam, perniagaan dan pihak kerajaan. Ini disebabkan segala keputusan yang diambil oleh akauntan akan memberi kesan kepada masyarakat, organisasi, komuniti dan persekitaran (Inlay 2003; Waddock 2005).

Oleh yang demikian, bidang perakaunan memerlukan satu piawai nilai dan etika yang boleh memberi garis panduan kepada ahli-ahlinya dalam menghadapi masalah dan dilema berkaitan nilai, etika dan moral bagi membuat keputusan (Pricewaterhouse Coopers 2003; Manual MIA 2004). Di peringkat sekolah mahupun di universiti, pelbagai pihak mencadangkan supaya penerapan nilai disepadukan dalam pengajaran mata pelajaran termasuklah kurikulum bidang perakaunan (Loeb 2003; Smith 2003; Waddock 2005; Wyatt 2004). Perkembangan kurikulum Pendidikan Perakaunan dalam sistem pendidikan negara turut dipengaruhi oleh sistem maklumat, internet dan teknologi yang semakin canggih serta meluas sangat memerlukan pengawalan yang baik dan berkesan (Waddock 2005). Suhaida (2002) dan Waddock (2005) menegaskan bahawa untuk mengawal kemasukan aspek-aspek negatif sistem maklumat dan teknologi ke dalam kurikulum Pendidikan Perakaunan, perlunya penekanan kepada aspek-aspek nilai murni, ketelusan dan akauntabiliti dalam sistem pendidikan negara. Oleh itu, penekanan kepada penerapan nilai murni dalam sistem pendidikan negara menjadi semakin penting kepada dunia yang kini menunjukkan gejala keruntuhan moral, penyelewengan dan sebagainya.

Armstrong et al. (2003), Langenderfer dan Rockness (1990), Loeb (2003), Smith (2003), dan Waddock (2005) adalah di antara ahli akademik perakaunan yang kerap membincangkan tentang isu keperluan menerapkan nilai dan etika ke dalam kurikulum Pendidikan Perakaunan. Langenderfer dan Rockness (1990) menegaskan bahawa kurikulum Pendidikan Perakaunan perlu mengambil langkah tegas dan proaktif dalam mengintegrasikan nilai dan etika dalam proses pengajaran-pembelajaran perakaunan. Oleh itu, Langenderfer dan Rockness (1990) mencadangkan supaya kurikulum Pendidikan Perakaunan bukan sahaja perlu menekankan aspek kemahiran dan pengetahuan namun perlu memberi perhatian kepada nilai, etika dan komitmen pelajar yang bakal dilahirkan. Tambah Langenderfer dan Rockness (1990), sekiranya pihak pentadbiran serius untuk meningkatkan pendidikan nilai dan etika ke dalam kurikulum Pendidikan Perakaunan, maka langkah-langkah tertentu perlu diambil. Antaranya ialah melatih guru dan pendidik supaya merasa selesa untuk membincang dan menganalisis isu-isu nilai dan etika dalam bilik darjah bersama pelajar-pelajar. Selain itu, pihak pentadbiran perlu menggalakkan guru untuk menghadiri seminar, bengkel dan membuat penyelidikan bagi meningkatkan pengetahuan dan pengalaman mereka. Pandangan ini turut dipersetujui oleh Smith (2003), di mana beliau menyarankan supaya penerapan nilai dilaksanakan di sekolah untuk melahirkan pelajar yang menyeluruh dan seimbang dari segenap aspek supaya pelajar perakaunan berupaya melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan adil dan bijak.

Pandangan tersebut turut dikongsi oleh Waddock (2005), yang berpendapat bahawa penerapan nilai sangat perlu dilaksanakan oleh semua guru dan pendidik perakaunan di sekolah. Waddock (2005) menegaskan bahawa kurikulum Pendidikan Perakaunan perlu dibaiki segera dengan mengambil kira entiti masyarakat sebagai satu komuniti perakaunan melalui integrasi dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek secara bersepadu. Oleh itu, Waddock (2005) beranggapan perlunya dilakukan perubahan radikal kepada kurikulum Pendidikan Perakaunan dengan mengesyorkan supaya guru-guru mengajar satu set kemahiran yang boleh melahirkan pelajar berintegriti dan bersepadu. Kemahiran yang dicadangkan oleh Waddock (2005) terdiri daripada:

- i. Menerapkan nilai integriti, bertanggungjawab, akauntabiliti dan telus.
- ii. Menyediakan pelajar dengan pemikiran integratif.
- iii. Kreatif, berani mengambil risiko dan berinisiatif.
- iv. Berkeyakinan, berani bersuara dan efisien.
- v. Berkeupayaan untuk menyuarakan pandangan serta sensitif dengan pandangan orang lain.
- vi. Berkeupayaan untuk memahami kesan-kesan atas tindakan serta mengambil tindakan pembetulan apabila diperlukan.

Keperluan kepada penerapan nilai murni dalam Pendidikan Perakaunan semakin meningkat bagi melahirkan mereka yang terlibat dalam bidang ini, memiliki akhlak dan etika yang baik serta mampu membuat keputusan berasaskan sifat-sifat adil, kejujuran dan tidak mementingkan diri sendiri (Kiger, 2004; O'Leary, 2007; Shawver, 2006; Waddock, 2005). Mintz (2005) mengusulkan nilai-nilai seperti baik hati dan pemurah, kejujuran dan integriti, adil dan berfikiran terbuka, boleh dipercayai dan diharapkan, memiliki sifat patuh dan benar untuk diterapkan dalam kurikulum Pendidikan Perakaunan bagi melahirkan pelajar yang boleh berhadapan dengan tekanan dan bertindak menurut peraturan-peraturan moral. Smith (2003) menyatakan objektif utama penerapan nilai dalam kurikulum Pendidikan Perakaunan adalah untuk melahirkan individu yang seimbang bukan sahaja memiliki kepakaran dari aspek teknikal tetapi memiliki moral yang tinggi.

Penerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran Prinsip Perakaunan KBSM

Penerapan nilai murni merentasi mata pelajaran Prinsip Perakaunan bertujuan untuk melahirkan insan yang berakhlak mulia serta pakar dalam ilmu teras yang diceburinya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000; Russel dan Smith, 2003; Shawver, 2006; Waddock, 2005). Selain itu, tujuan penerapan nilai murni dalam pengajaran mata pelajaran Prinsip Perakaunan ialah pembentukan rohani dan sahsiah yang meliputi emosi, moral dan peribadi pelajar yang mendukung norma-norma peradaban sosial, budaya dan agama (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000). Pengajaran mata pelajaran Prinsip Perakaunan dan secara bersepadu memberi penekanan

kepada penerapan nilai murni melalui cara yang menggalakkan pemikiran rasional dapat membantu dalam pencapaian matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2000).

Kementerian Pendidikan Malaysia (2000) menyarankan penggunaan strategi bersepadu di peringkat sekolah menengah bagi pengajaran mata pelajaran KBSM menerusi pelaksanaan proses penerapan nilai murni merentasi kurikulum. Penggubalan KBSM menyarankan pelaksanaan strategi bersepadu ini bertujuan supaya semua mata pelajaran yang diajar tidak terpisah antara satu sama lain dengan menggunakan unsur-unsur nilai bagi mewujudkan kesepaduan. Pendekatan penerapan nilai murni adalah dilakukan secara langsung dan tidak langsung (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000). Pendekatan penerapan nilai murni secara langsung dilakukan melalui pendekatan kognitif misalnya melalui teknik perbincangan, sumbang saran, main peranan dan penceritaan bagi isu-isu nilai yang mempunyai kaitan langsung dengan isi pelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000). Manakala pendekatan penerapan nilai secara tidak langsung boleh dilakukan secara bersahaja bagi unsur-unsur nilai yang memerlukan penghayatan dan kesedaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000).

Sommers (2003) menyarankan agar guru-guru menggunakan pendekatan penerapan nilai secara langsung untuk menerapkan nilai murni dalam pengajaran mereka. Perkara ini didasarkan kepada pandangan beliau bahawa menerusi penerapan nilai secara langsung, mampu memberi pemahaman yang lebih jelas kepada pelajar berkaitan nilai-nilai yang perlu dihayati dan dipegang oleh mereka. Pandangan ini turut dipersetujui oleh Kohlberg (1973) yang menyatakan bahawa di dalam situasi bilik darjah, pendekatan penerapan nilai yang berkesan untuk memupuk nilai dan merangsang penerimaan nilai pegangan pelajar ialah melalui pendekatan penerapan nilai secara langsung. Di samping itu, kaedah dan teknik pengajaran yang dicadangkan oleh Kohlberg (1973) semasa penerapan nilai ialah kaedah main peranan, analisis diri, aktiviti berkumpulan, bercerita, analisis gambar dan analisis puisi.

Pengkaji-pengkaji seperti Armstrong et al. (2003), Mintz (2005), McPhail (2001), McNair dan Millan (2003) turut mencadangkan keperluan untuk mengintegrasikan nilai ke dalam mata pelajaran perakaunan dan mencadangkan pelbagai teknik dan strategi penerapan nilai ke dalam mata pelajaran berkenaan. Terdapat pelbagai pandangan yang membincangkan teknik dan strategi terbaik menerapkan nilai (Haywood et al., 2004; Thorne, 1998) yang terdiri daripada antaranya seperti main peranan, kajian kes, syarahan, permainan dan penceritaan. Kajian-kajian yang dilakukan memberikan pelbagai informasi berkaitan strategi-strategi pengajaran yang dinyatakan melalui pengenalan pelbagai pendekatan pengajaran nilai, cadangan-cadangan terhadap perubahan kurikulum perakaunan, mengemaskini kandungan kursus dan penerbitan buku-buku teks perakaunan yang memberi perhatian terhadap penerapan nilai dan etika (Armstrong et al., 2003; Loeb, 2001).

Kajian Haywood et al. (2004) mengusulkan kaedah permainan yang dinamakan sebagai Bingo Game untuk melibatkan pelajar dalam proses pembelajaran. Penggunaan kaedah ini berupaya untuk membuat pengajaran berkaitan nilai dan etika lebih menarik dan menyeronokkan kepada pelajar (Haywood et al., 2004). Nilai-nilai yang ditekankan

dalam permainan ini meliputi nilai yang dikehendaki dalam badan profesional iaitu nilai kecekapan, objektif, kerahsiaan, integriti, mementingkan hak awam, bertanggungjawab dan amanah. Objektif pembelajaran daripada kaedah ini bertujuan untuk mewujudkan semula kepercayaan awam terhadap bidang perakaunan melalui penekanan terhadap nilai dan etika mulia yang perlu dimiliki setiap individu. Oleh itu, guru dan pendidik perakaunan disarankan membantu melaksanakan tanggungjawab mereka dengan baik bagi membolehkan pelajar perakaunan bersedia menghadapi dilema nilai dan etika di persekitaran kerja (Jenning, 2004).

Shahrin dan Mohd Arif (2002) mengusulkan strategi penerapan nilai dengan berpusatkan kepada nilai rohani sebagai paksi kepada pembangunan nilai intelek, emosi dan jasmani ke arah melahirkan insan jagat atau insan yang seimbang dan harmonis (Falsafah Pendidikan Kebangsaan). Shahrin dan Mohd Arif (2002) menegaskan bahawa nilai rohani semestinya menjadi intipati kejadian insan berdasarkan unsur kejadian manusia yang terdiri dari unsur rohani dan jasmani (al-Quran: 32:7-9). Hakikat ini bersesuaian dengan konsep kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan seperti yang terkandung di dalam hasrat Falsafah Pendidikan Negara (Shahrin dan Mohd Arif, 2002). Tajul Ariffin dan Nor'Aini (2002) turut mengusulkan penerapan nilai murni merentasi kurikulum yang dilaksanakan di dalam setiap mata pelajaran, akan dapat membantu melahirkan insan yang seimbang dan harmonis. Ini kerana nilai-nilai yang ingin diterapkan merupakan hasil penggabungan unsur-unsur yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang meliputi elemen nilai jasmani, emosi, rohani dan intelek (Mohd Arif, 2004). Tajul Ariffin dan Nor'Aini (2002) menegaskan melalui penerapan nilai murni merentasi kurikulum akan dapat membantu mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan insan yang seimbang dan menyeluruh kerana nilai-nilai yang diterapkan dalam pengajaran mata pelajaran KBSM merupakan hasil gabungan unsur-unsur yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang terdiri daripada nilai jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI).

Peranan Guru Dan Sekolah Dalam Melaksanakan Penerapan Nilai Dalam Kurikulum Pendidikan Perakaunan

Pendidikan dilihat sebagai landasan utama untuk melahirkan insan yang cemerlang dan bermentaliti kelas pertama (RMK-9, 2006). Untuk merealisasikan hasrat yang ingin dicapai oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan, memerlukan guru memahami dengan jelas maksud yang terkandung di dalamnya. Guru memainkan peranan utama sebagai individu yang mempromosikan nilai dalam proses pendidikan (Lawson, 2002). Peluang harus diberi kepada guru-guru dan pelajar untuk mendapatkan maklumat dan mengetahui tentang kesan dilema nilai, moral dan etika kepada profesion perakaunan (Haywood et al., 2004; Kiger, 2004). Hassan (1997) berpandangan bahawa guru-guru merupakan pengajar dalam erti kata seluas-luasnya. Beliau menegaskan perkataan mengajar bermaksud segala tingkah laku guru yang menyebabkan murid boleh belajar sesuatu, tingkah laku bukan hanya yang bersifat pertuturan lisan tetapi juga yang bukan pertuturan lisan seperti senyuman, berjalan dan memberi salam. Menurut Hassan (1997), cara-cara bukan lisan kadang-kadang

lebih efektif daripada pengajaran secara lisan, terutama yang bersangkutan paut dengan nilai dan sikap. Guru adalah individu pertama yang seharusnya memahami tentang konsep, takrif dan strategi perlaksanaannya (Lawson, 2002). Sehubungan itu, guru-guru perlu mempunyai kesedaran, kesediaan dan kefahaman terhadap kepentingan melaksanakan penerapan nilai murni seperti yang dikehendaki oleh KBSM.

Guru-guru merupakan faktor utama yang memastikan sesuatu kurikulum berjaya atau pun tidak disebabkan mereka terlibat secara langsung sebagai pelaksana program. Guru-guru merupakan intipati bagi sesuatu proses reformasi dan perubahan tidak akan berlaku sekiranya guru-guru tidak memahami dan tidak bersedia berubah untuk membina skim tingkah laku yang baru (Nik Azis, 1997). Justeru dalam konteks ini, para guru haruslah bersedia untuk mengembangkan nilai melalui perbincangan kelas, melalui aktiviti penyelesaian masalah dan membuat keputusan dan melalui pembentukan dan pemilihan aktiviti pembelajaran yang membolehkan pelajar menggunakan pelbagai strategi bagi membina kekuatan intelek, emosi, sosial dan rohani (Nik Azis, 1997). Oleh itu, para pendidik perakaunan diharapkan mengintegrasikan pengajaran perakaunan dengan nilai-nilai yang berkaitan bagi tujuan pembangunan modal insan pelajar melalui penggunaan kaedah pengajaran yang berkesan (Mintz 2005; Fisher et al., 2007).

Kurikulum Pendidikan Perakaunan di peringkat sekolah dan universiti turut diingatkan supaya memperbaiki keberkesanan sistem pendidikan bertujuan untuk melahirkan pelajar berintegriti dan bersepadu (Armstrong et al., 2003; Kiger, 2004; Loeb, 2003; McPhail, 2001; Mintz, 2005; Russel dan Smith, 2003). Haywood et al. (2004) menegaskan pihak sekolah perlu memainkan peranan penting dengan melakukan perubahan yang relevan mengikut keperluan semasa dalam bidang perakaunan. Kolej, universiti dan pihak sekolah digesa memperbaiki kursus-kursus yang ditawarkan dalam kurikulum pendidikan perakaunan bagi menyediakan pelajar yang berintegriti dan bersepadu untuk menghadapi dilema nilai, moral dan etika apabila berada dalam dunia pekerjaan sebenar (Earley dan Kelly, 2004). Denig (2008) berpandangan sekiranya nilai bukan menjadi sebahagian daripada mata pelajaran yang diajar, pelajar akan mengandaikan nilai adalah sesuatu yang tidak penting dalam kehidupan mereka. Sehubungan itu, McPhail (2001) menyarankan agar bidang Pendidikan Perakaunan harus berusaha memperbaiki keupayaan dan keberkesanan kurikulum dan melaksanakan penerapan nilai dalam proses pengajaran-pengajaran bertujuan melahirkan pelajar yang bermoral, beretika dan berkemanusiaan.

METODOLOGI

Pendekatan kajian yang digunakan merupakan pendekatan kualitatif (Lincoln dan Denzin, 2000) yang berbentuk kajian lapangan dan berupaya menerangkan proses yang dilalui peserta kajian dalam konteks sebenar (Wolcott, 2008). Pendekatan kualitatif tidak bertujuan untuk membuktikan hipotesis dan teori tetapi melibatkan proses induktif yang menyebabkan kajian berkembang semasa penyelidikan dijalankan dari data-data yang dikumpulkan (Wolcott, 2008; Strauss dan Corbin, 1998; Lincoln dan Denzin, 2000). Bogdan dan Biklen (1998) menyatakan pendekatan kualitatif menghasilkan maklumat yang mendalam tentang fenomena yang dikaji serta memberikan data yang kaya, mantap dan sahih lantas berupaya menjawab persoalan kajian. Pandangan ini turut dipersetujui

oleh Mason (2002) yang menyatakan pendekatan kualitatif mampu memberikan maklumat dengan lebih jelas daripada perspektif peserta kajian melalui pemerhatian langsung, temu bual mendalam dan analisis dokumen.

Kajian ini tergolong dalam kategori untuk meneroka, membuat penemuan dan interpretasi secara khususnya untuk pembinaan teori (Strauss dan Corbin, 1998). Dengan ini, reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini merupakan pendekatan kajian kes dan menggunakan kaedah perbandingan secara berterusan untuk menganalisis data. Data dianalisis secara manual berbantuan program NVivo. Terdapat tiga peringkat proses penganalisan data iaitu peringkat pengekodan membuka, pengekodan sisi dan pengekodan memilih (Strauss dan Corbin, 1998). Peringkat pengekodan membuka bertujuan melabelkan data secara sistematik bagi mendapatkan binaan konsep, subkategori dan kategori. Pada peringkat ini, pengkaji akan membandingkan satu tema dengan tema yang lain seterusnya tema yang sama akan dilabelkan dalam satu kategori. Peringkat pengekodan sisi bertujuan membuat perkaitan antara kategori dengan konsep-konsep dan subkategori-subkategori bagi mengesahkan binaan kategori tersebut. Peringkat pengekodan memilih pula bertujuan menentukan kategori teras dan menghubungkan kategori-kategori bagi membentuk binaan asas teori atau menghasilkan penemuan kajian.

Pemilihan sampel didasarkan kepada teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) iaitu peserta kajian yang dipilih berdasarkan kepada aspek yang merangkumi keperluan memenuhi persoalan kajian, bersedia untuk bekerjasama, ditemu bual dan dapat memberi maklumat yang diperlukan (Mason, 2002; Patton, 2001) dan teknik persampelan teoritis bagi mendapatkan pemahaman mendalam dan terperinci tentang fenomena dikaji. Peserta kajian yang dipilih terdiri daripada lima orang guru perakaunan yang mengajar mata pelajaran Prinsip Perakaunan tingkatan empat, berpengalaman dan berwibawa di dalam bidang perakaunan iaitu mempunyai latar belakang pendidikan perakaunan, mengajar mata pelajaran Prinsip Perakaunan, serta mampu memberikan banyak informasi yang diperlukan secara mendalam dan terperinci. Pemilihan lima orang guru perakaunan adalah berdasarkan pandangan Marohaini (2001) yang menjelaskan bahawa pemilihan lima orang guru perakaunan sebagai peserta kajian adalah memadai untuk membolehkan pengkaji meneroka dan meneliti persoalan kajian bagi mendapat gambaran sebenar dan mendalam tentang amalan penerapan nilai murni guru dalam pengajaran Prinsip Perakaunan di bilik darjah.

Marohaini (2001) menjelaskan bilangan peserta kajian yang kecil adalah memadai untuk membolehkan pengkaji meneroka secara mendalam dan menjawab persoalan kajian bagi mendapatkan gambaran holistik dan bermakna tentang fenomena yang dikaji. Sifat kajian kualitatif yang kompleks serta proses pengumpulan dan penganalisan data yang rumit memerlukan pengkaji menggunakan bilangan peserta kajian yang kecil supaya kajian dapat dikendalikan dengan berkesan (Marohaini, 2001). Pandangan ini turut dipersetujui oleh Patton (2001), yang menyatakan pemilihan sampel yang kecil dalam kajian kualitatif bertujuan untuk membolehkan penerokaan secara mendalam dan pengkayaan maklumat dilaksanakan dan bukannya untuk membuat generalisasi umum atau menguji hipotesis. Lima buah sekolah menengah harian di negeri Perak telah dipilih sebagai tempat kajian pengkaji. Pengkaji menggunakan tiga kaedah utama untuk mengumpul data iaitu kaedah pemerhatian, temu bual mendalam dan analisis dokumen (Patton, 2001; Merriam, 2001; Mason, 2002).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kehidupan era moden masa kini penuh dengan cabaran yang perlu ditangani dengan kekuatan luaran dan dalaman yang kental. Perkara ini membuktikan keperluan kepada proses pendidikan yang berupaya menjana modal insan bermentaliti kelas pertama (RMK 9, 2006). Berdasarkan KBSM, Kementerian Pelajaran telah mengenal pasti tujuh belas nilai-nilai murni yang perlu diterapkan oleh setiap guru secara merentasi kurikulum dalam mata pelajaran yang diajar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000). Proses penerapan nilai amat penting untuk dilaksanakan oleh guru-guru dalam pengajaran mereka secara berterusan kerana terdapat beberapa komponen yang jelas menunjukkan keperluan dan kepentingannya kepada pembangunan pelajar disokong dalam kajian ramai sarjana (Madison dan Schmidt, 2006; Madison, 2001; Loeb, 2003; Mintz, 2005). Peranan Kurikulum Pendidikan perakaunan bukan hanya setakat mendidik pelajar perakaunan supaya menjadi insan yang berfikir namun membentuk insan yang mampu mengintegrasikan minda dengan nilai-nilai rohani, persekitaran dan alam secara bersepadu (Waddock, 2005).

Dapatan kajian secara jelas menunjukkan bahawa kelima-lima peserta kajian mempunyai pandangan yang positif bahawa proses penerapan nilai sangat penting dilaksanakan secara bersepadu dengan penyampaian isi kandungan mata pelajaran di bilik darjah. Salah satu pandangan dijelaskan berdasarkan pernyataan Puan Azie;

“...memang sebagai guru...kita sedar tentang tujuan penerapan nilai untuk bentuk pelajar menjadi insan cemerlang...seperti yang dihasratkan oleh PM tu...jadi di sini memang guru memainkan peranan yang amat penting dalam melahirkan pelajar yang berkualiti bukan sahaja dari aspek akademik tapi lebih-lebih lagi...juga kena lah berkualiti dari aspek akhlak mereka...”

Dapatan ini selari dengan pandangan Veugelers (2000) iaitu guru sentiasa berusaha menerapkan nilai murni semasa melaksanakan pengajaran kerana sedar akan kepentingannya kepada pembangunan diri pelajar. Dapatan ini juga menyokong dapatan kajian yang dijalankan oleh Pricewaterhouse Coopers (2003) iaitu para pendidik perakaunan memahami akan keperluan dan kepentingan menerap nilai dalam pengajaran perakaunan. Keadaan ini menunjukkan bahawa guru perakaunan mempunyai kesedaran dan mempunyai sifat tanggungjawab untuk melahirkan pelajar-pelajar yang berintegriti seperti yang dinyatakan oleh Encik Zaki yang berpandangan seperti berikut:

“...sangat penting pada saya....pelajar perlu didedahkan dengan nilai-nilai murni di peringkat sekolah lagi....kerana penerapan nilai diperingkat awal akan turut mempengaruhi pembangunan moral dan sahsiah diri pelajar-pelajar itu sendiri dan melahirkan pelajar berintegriti dalam menjalani kehidupan....”

Perkara ini selari dengan pandangan Jenning (2004) iaitu pendidikan perakaunan perlu melahirkan pelajar berintegriti yang berupaya melaksanakan tanggungjawab dengan amanah. Kesedaran dan sifat tanggungjawab guru perakaunan merupakan satu

petunjuk yang baik kepada kelangsungan proses pelaksanaan penerapan nilai murni dalam pengajaran-pembelajaran Prinsip Perakaunan. Selain itu, kepentingan penerapan nilai murni dalam pengajaran perakaunan bertujuan untuk membangunkan modal insan bersepadu di kalangan pelajar (Kiger 2004; Waddock 2005). Perkara ini ditegaskan oleh Puan Hani:

“...saya berpendapat kalau kita buat betul-betul dan lakukan secara berterusan mungkin kita mampu lahirkan pelajar yang bertanggungjawab..... seimbang...bersepadu....sedar akan tugas mereka sebagai pelajar....mmm....ya lah seimbang dari semua aspek... seimbang dari segi sahsiah dan akademik mereka....errrr...jadi sebab itu memang penting kita terapkan nilai kepada pelajar kita...”

Secara tak langsung, ia mencerminkan guru perakaunan memainkan peranan yang sangat penting bagi melahirkan pelajar yang seimbang dari aspek akademik dan akhlak (Mintz, 2005; Russel dan Smith, 2003). Sehubungan ini, individu yang berhasrat untuk menjadi seorang guru perlu sedar akan tanggungjawab berat yang perlu dipikul bagi melahirkan pelajar cemerlang dan berupaya mengaplikasikan aspek intelek dan akhlak secara seimbang. Seperti yang dikatakan oleh Sommers (2003), iaitu guru-guru yang mengabaikan peranan menerapkan nilai kepada pelajar, merupakan guru yang gagal melaksanakan tanggungjawab sebagai pendidik yang baik. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa tanggungjawab sebagai seorang guru perakaunan bukan hanya menyampaikan ilmu perakaunan malah guru perlu bertindak sebagai seorang pembimbing dan peserta yang aktif dalam membentuk pelajar berkeperibadian tinggi dan bersahsiah mulia yang turut disetujui oleh ramai sarjana (Veugelers, 2000; Principe dan Helwig, 2002).

Dapatan kajian menunjukkan guru perlu menjadi role model kepada pelajar yang juga terdapat dalam kajian Butroyed dan Somekh (2001). Menurut Puan Hani;

“...memang matlamat sistem pendidikan kita bertujuan untuk lahirkan pelajar-pelajar yang baik dari segi akademik dan sahsiah kedua-duanya sekali...guru jadi pemangkin sebenarnya dalam mendidik pelajar ni.... malah saya rasa guru lain juga sedar sangat penting guru melaksanakan tanggung jawab yang diamanahkan dan mereka perlu menjadi role model yang baik kepada pelajar ...”

Selain itu dapatan kajian menunjukkan menerusi penerapan nilai murni secara berterusan di sekolah, pelajar akan dididik dengan sifat-sifat yang baik dan mulia seterusnya dapat membezakan kesan baik dan buruk dari sesuatu tindakan yang diambil. Dengan ini, pelajar dapat menghayati, mengamalkannya serta berupaya membuat sesuatu keputusan dengan mengambil kira aspek etika, moral, akhlak dan agama. Puan Fatiah menyatakan pandangannya seperti berikut:

“...kalau penerapan nilai ini dilaksanakan dalam pendidikan pelajar....magnanya secara tidak langsung nilai itu akan diterapkan ke dalam diri mereka....mmm.....seterusnya mereka akan mengamalkan nilai tersebut ke dalam kehidupan mereka....ini dapat dikaitkan dengan

kesan kepada kehidupan pelajar nanti....mmm.....kalau mereka dapat membuat sesuatu keputusan dengan tepat setelah berfikir dengan rasional ia akan memberi kebaikan kepada hidup masa hadapan mereka kerana dapat berfikir mana yang baik...mana yang salah... ikut landasan agama.....malah dapat beri kebaikan pada semua orang..."

Dapatan kajian mendapati perancangan rapi dan teliti yang dilakukan oleh peserta kajian dalam buku rekod Rancangan Mengajar Harian akan mendorong proses pengajaran-pembelajaran berlaku dengan lancar. Sebagaimana dinyatakan oleh Puan Liya:

"...ya...memang saya merancang nak terap nilai pada pelajar.....dalam tiap fasa pengajaran macam permulaan....perkembangan dan penutup memang ada saya masukkan....tujuannya supaya pengajaran berjalan dengan lancar dan nilai-nilai yang nak kita terapkan pun sampai kepada pelajar.....dalam sukatan pun ada suruh guru terap nilai jadi kita terap lah....dah jadi tanggung jawab guru macam kami untuk didik pelajar...."

Perancangan yang rapi dan teliti dilakukan dengan mengambil kira bila kaedah tertentu perlu diaplikasikan, menentukan masa untuk menerapkan nilai, pengurusan masa yang baik, menetapkan elemen-elemen nilai murni yang akan diterapkan dan tahap kemampuan pelajar. Ini akan membantu proses penerapan nilai murni dilaksanakan secara bersepadu dengan penyampaian isi kandungan mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Enck Zaki menyatakan:

"...sangat penting pada saya....bila nak mengajar kita perlu merancang dahulu...tengok topik....tentukan nilai yang berkaitan dengan topik....kemudian tentukan kaedah mengajar yang terbaik dan sesuai dengan tahap pelajar kita...."

Dapatan ini selari dengan pandangan Veugelers (2000) iaitu guru-guru perlu membuat perancangan mengajar yang betul dengan memasukkan elemen-elemen nilai yang dirasakan penting dalam aktiviti pengajaran-pembelajaran supaya proses pengajaran-pembelajaran akan berlangsung dengan berkesan. Dalam menyampaikan pengajaran Prinsip Perakaunan dan secara bersepadu menerapkan nilai murni, guru perakaunan dalam kajian ini membuat pilihan untuk mengaplikasikan kaedah pengajaran tertentu yang dipengaruhi oleh pertama; faktor-faktor persekitaran pengajaran, kedua; masalah-masalah berkaitan pengajaran-pembelajaran serta ketiga; kesedaran guru tentang kepentingan nilai murni terhadap pembangunan modal insan pelajar. Kaedah pengajaran yang diaplikasikan peserta kajian perlu disepadankan dengan topik yang akan diajar, objektif pelajaran dan tahap kebolehan pelajar turut dipersetujui oleh Shawner (2006). Perkara ini diutarakan oleh Puan Fatiah seperti berikut:

"...bila guru mengajar beliau kena fikirkan pelbagai perkara supaya pengajarannya sampai kepada pelajar...jadi perkara utama adalah dengan menggunakan kaedah pengajaran yang berkesan...macamana nak pastikan fakta dan ilmu diterima kepada pelajar?...jadi guru kena juga ambil kira faktor-faktor luar...masalah-masalah....dan paling utama"

pastikan ia jadi menarik supaya pelajar berminat nak mendengar...dan perkara paling penting adalah kesedaran guru tu sendiri pentingnya nilai mulia ni kepada pelajar....”

Kaedah pengajaran yang digunakan guru perakaunan dalam kajian ini didapati mempunyai perkaitan antara satu sama lain dan terdapat gabungjalin antara satu kaedah pengajaran dengan kaedah pengajaran yang lain. Perkara ini dibuktikan melalui pemerhatian pengkaji semasa proses pengajaran dan pembelajaran diadakan dan turut dijelaskan oleh Puan Azie antaranya:

“...jadi...emm...macam mana nak terap nilai...saya rasa...melalui penggunaan kaedah bercerita ini lah...secara tak langsung semasa bercerita tu saya cuba lah tekankan nilai-nilai yang saya rasa penting kepada pelajar dengan kaitkan nilai tersebut kepada kehidupan mereka....”

“...bagi kaedah syarahan pula.....saya gunakan untuk jelaskan kepada pelajar tentang konsep-konsep dan fakta perakaunan sebelum saya teruskan dengan aktiviti pengajaran saya yang lain...dalam perakaunan ni kita pun tahu memang banyak perlukan penerangan...sebelum kita teruskan dengan latihan...”

Kajian juga mendapati penerapan nilai murni dilaksanakan oleh peserta kajian secara bersepadu dengan penyampaian isi kandungan mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Keadaan ini menunjukkan bahawa secara tidak langsung semasa melaksanakan proses pengajaran, peserta kajian berusaha untuk menerapkan nilai murni bagi membangunkan diri pelajar secara seimbang dari aspek intelek dan sahsiah seperti yang dinyatakan oleh Puan Fatiah :

“...macam saya kata tadi...saya terap nilai ikut tajuk-tajuk yang sesuai....jadi secara tidak langsung semasa mengajar menggunakan kaedah mengajar yang bersesuaian.....saya terangkan nilai-nilai tu...sebab...mmm....memang saya tahu nilai sangat penting untuk lahirkan pelajar yang baik.....saya rasa ia memang selalu ada...dan....mmm...kalau kita terang...mereka akan ambil perhatian juga...sebab kita guru...”

Data ini turut menyokong dapatan kajian Fernandes (1999) iaitu guru menggunakan kaedah pengajaran yang tertentu bagi mengintegrasikan nilai dalam pengajaran mereka. Antara kaedah pengajaran yang diaplikasikan adalah kaedah penceritaan, kaedah syarahan, kaedah soal jawab, kaedah simulasi, kaedah perbincangan, kaedah kerja kumpulan, kaedah main peranan, kaedah penyelesaian masalah, kaedah tunjuk cara dan kaedah sumbang saran. Kaedah pengajaran yang digunakan guru dalam kajian ini dilihat dalam tiga fasa iaitu i) fasa permulaan pengajaran ii) fasa perkembangan pengajaran dan iii) fasa penutup pengajaran. Jadual berikut memaparkan kaedah mengajar yang digunakan oleh peserta kajian untuk menerapkan nilai di dalam pengajaran mereka.

Jadual 1 Kaedah Pengajaran Yang Digunakan Guru Perakaunan Dalam Fasa Permulaan Pengajaran Prinsip Perakaunan.

Puan Azie	Puan Fatiah	Puan Liya	Encik Zaki	Puan Hani
<p>Kaedah Penceritaan</p> <ul style="list-style-type: none"> Menggunakan kaedah penceritaan pada permulaan dengan bercerita kepada pelajar satu isu yang ada kaitan dengan tajuk yang akan diajar bagi menarik minat pelajar. Secara bersepadu guru tekankan nilai murni yang perlu pelajar aplikasikan dalam kehidupan. <p>Kaedah Syarahan</p> <ul style="list-style-type: none"> Menggunakan teknik syarahan untuk sampaikan konsep dan fakta perakaunan dan secara bersepadu menjelaskan nilai-nilai murni yang penting kepada pelajar. 	<p>Kaedah Syarahan</p> <ul style="list-style-type: none"> Menggunakan teknik syarahan dengan mengemukakan fakta penting dan secara bersepadu menerapkan nilai murni yang berkaitan dengan isi pelajaran. Memberi penjelasan kepentingan nilai murni. <p>Kaedah Perbincangan</p> <ul style="list-style-type: none"> Menggunakan teknik perbincangan topik lepas supaya ada kesinambungan dengan topik yang akan dipelajari hari ini. Wujud interaksi antara pelajar dan guru dan nilai disisipkan secara bersepadu dengan pengajaran Perakaunan. 	<p>Kaedah Soal jawab</p> <ul style="list-style-type: none"> Menggunakan teknik soal jawab bagi tarik minat dan menimbulkan keseronokan pelajar terhadap pembelajaran semasa permulaan pengajaran. Menyoal pelajar isi-isi penting pelajaran yang telah dipelajari pada kelas lepas bertujuan mengingatkan semula pelajar perkara yang telah mereka pelajari Secara bersepadu kaitkan dengan nilai-nilai murni yang sesuai dengan topik pelajaran dengan ambil contoh artikel. 	<p>Kaedah Simulasi</p> <ul style="list-style-type: none"> Menggunakan teknik simulasi semasa permulaan pengajaran dengan menggunakan situasi persekitaran sekolah untuk menerapkan nilai. <p>Kaedah Perbincangan</p> <ul style="list-style-type: none"> Menggunakan ABM seperti keratan akhbar bagi mengadakan perbincangan berkaitan pelajaran dan mengaitkan dengan isu nilai murni. 	<p>Kaedah Penceritaan</p> <ul style="list-style-type: none"> Menggunakan kaedah bercerita untuk menyampaikan fakta pengajaran dan berusaha menarik perhatian pelajar terhadap pelajaran. Secara tidak langsung selitkan nilai yang mendorong perkembangan sahsiah dan akademik pelajar. <p>Kaedah Soal jawab</p> <ul style="list-style-type: none"> Menggunakan kaedah soal jawab sekiranya menyambung topik lepas dan secara bersepadu guru menyelitkan dengan nilai murni.

Kaedah pengajaran yang diamalkan oleh guru perakaunan untuk menyampaikan isi kandungan mata pelajaran Prinsip Perakaunan dan secara bersepadu menerapkan nilai murni semasa permulaan pengajaran dikenal pasti terdiri daripada gabungjalnin daripada

kaedah penceritaan, kaedah syarahan, kaedah soal jawab, kaedah simulasi dan kaedah perbincangan. Kelima-lima peserta kajian iaitu Puan Azie, Puan Fatiah, Puan Liya, Encik Zaki dan Puan Hani bersependapat bahawa fasa permulaan pengajaran merupakan fasa yang penting untuk menarik minat dan perhatian pelajar terhadap proses pengajaran-pembelajaran yang akan berlangsung. Antaranya petikan dari pandangan yang diutarakan oleh Puan Azie menyatakan:

“...semasa permulaan pengajaran, kaedah yang saya memang gemar buat ialah aktiviti bercerita....biasanya saya kaitkan isi pelajaran yang nak saya ajar pada pelajar dengan isi-isu tertentu yang berkaitan....emm...tujuannya supaya kita dapat tarik minat dan tumpuan pelajar-pelajar kita terhadap apa yang nak diajar kepada mereka....”

Berikutnya kajian mendapati di peringkat perkembangan pengajaran memerlukan guru perakaunan bersedia dengan strategi pengajaran tertentu yang akan digunakan bagi meneruskan penyampaian isi pelajaran mata pelajaran Prinsip Perakaunan dengan berkesan. Kelima-lima guru perakaunan bersetuju bahawa guru perakaunan perlu tahu menentukan kaedah dan aktiviti pengajaran yang sesuai bagi menjamin mutu dan keberkesanan penyampaian pengajaran serta mengekalkan minat pelajar terhadap isi pelajaran. Jadual dibawah memaparkan kaedah pengajaran dalam fasa perkembangan pengajaran.

Jadual 2 Kaedah Pengajaran Yang Digunakan Guru Perakaunan Dalam Fasa Perkembangan Pengajaran Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan.

Puan Azie	Puan Fatiah	Puan Liya	Encik Zaki	Puan Hani
Kaedah Syarahan	Kaedah Kerja Kumpulan	Kaedah Syarahan	Kaedah Tunjuk Cara dan Main Peranan	Kaedah Sumbang Saran
<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan kaedah syarahan dengan mengemukakan penerangan berkaitan konsep perakaunan untuk memberi kefahaman berkaitan topik yang diajar. Secara bersepadu menjelaskan nilai-nilai yang penting kepada pelajar. 	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan kaedah kerja kumpulan dengan menggalakkan pelajar bekerja secara berkumpulan. Secara tidak langsung menekankan nilai-nilai murni seperti bekerjasama dalam satu kumpulan, hormat menghormati dan berani menyuarakan pendapat. 	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan kaedah syarahan melalui penerangan dan penjelasan berkaitan fakta perakaunan bagi menyampaikan isi pelajaran. Secara bersepadu menyemai nilai murni kepada pelajar. 	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan kaedah tunjuk cara dan main peranan untuk mengekalkan minat pelajar terhadap pelajaran. Secara bersepadu menerapkan nilai menerusi isi aktiviti main peranan. 	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan kaedah sumbang saran dengan merangsang minat agar pelajar mengemukakan idea dan pandangan bagi meneroka idea dan nilai-nilai yang dirasakan penting oleh pelajar.

samb... **Jadual 2**

Kaedah Penyelesaian Masalah	Kaedah Tunjuk Acara	Kaedah Perbincangan	Kaedah Penyelesaian Masalah	Kaedah Tunjuk Acara
<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan kaedah penyelesaian masalah untuk memberi pengukuhan dan kefahaman yang mendalam kepada pelajar. Secara bersepadu guru menerapkan nilai berhati-hati, sabar, teliti dan peka. 	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan kaedah tunjuk cara serta meminta pelajar membantu rakan mereka yang kurang faham dengan menekankan nilai tolong menolong. 	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan kaedah perbincangan serta membenarkan pelajar berbincang sesama rakan. Nilai bekerjasama dan bantu mmbantu dapat diterapkan secara tidak langsung. 	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan kaedah penyelesaian masalah untuk meyelesaikan masalah perakaunan. Menasihati pelajar tentang kepentingan nilai peka, berhati-hati, jujur dan rajin berusaha. 	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan kaedah tunjuk cara iaitu tunjuk ajar dari guru Secara bersepadu guru menerapkan nilai murni secara tidak langsung seperti nilai bertanggung jawab, teliti, kemas dan berhati-hati.
Kaedah Kerja Kumpulan	Kaedah Soal Jawab	Kaedah Penyelesaian Masalah	Kaedah Perbincangan	Kaedah Penyelesaian Masalah
<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan kaedah kerja kumpulan serta menggalakkan pelajar berbincang sesama mereka. Secara bersepadu nilai bekerjasama, bertanggungjawab, hormat-menghormati dan bertolak ansur diterapkan. 	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan kaedah soal jawab dengan mengemukakan soalan kepada pelajar semasa menyampaikan pengajaran. Secara bersepadu kemukakan soalan-soalan tentang nilai yang penting untuk diamalkan oleh pelajar. 	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan kaedah penyelesaian masalah dengan memberi soalan untuk diselesaikan supaya pelajar dapat menguasai kemahiran konsep perakaunan. Secara langsung menjelaskan kepentingan sifat teliti, sistematik dan berhati-hati dalam menyelesaikan latihan. 	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan kaedah perbincangan untuk menjelaskan isi pelajaran sambil mengaitkan dengan nilai-nilai yang berkaitan. 	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan kaedah penyelesaian masalah melalui pemberian masalah perakaunan untuk diselesaikan oleh pelajar.

Seterusnya kaedah pengajaran yang digunakan oleh kelima-lima peserta kajian semasa fasa penutup pengajaran Prinsip Perakaunan bertujuan mendorong perasaan pencapaian dan kejujuran di kalangan pelajar dan untuk mewujudkan sikap rajin berusaha serta meninggikan keyakinan diri pelajar. Selain itu, menerusi temu bual yang dijalankan kelima-lima guru perakaunan berpandangan bahawa sesi penutup pengajaran memerlukan guru membuat rumusan pengajaran berkaitan aspek isi kandungan pelajaran yang telah dipelajari. Ini bertujuan untuk merumuskan isi-isi penting yang perlu diambil perhatian oleh pelajar. Rumusan kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru perakaunan semasa fasa penutup dipaparkan di jadual dibawah.

Jadual 3 Kaedah Pengajaran Yang Digunakan Guru Perakaunan Dalam Fasa Penutup Pengajaran Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan.

Puan Azie	Puan Fatiah	Puan Liya	Encik Zaki	Puan Hani
Kaedah Rumusan	Kaedah Rumusan	Kaedah Rumusan	Kaedah Rumusan	Kaedah Penilaian
<ul style="list-style-type: none"> Membuat rumusan pengajaran untuk meneguhkan kefahaman terhadap pelajaran yang dipelajari. Menerapkan nilai murni untuk pembangunan insan pelajar dengan mengingatkan pelajar supaya menyelesaikan tugas mengikut masa, berhati-hati, menyemak kerja, teliti dan tidak cuai. Beri soalan pengukuhan. 	<ul style="list-style-type: none"> Merumus pelajaran yang telah diajar bertujuan menggulung isi penting pelajaran secara tersusun. Menasihati pelajar supaya berusaha, tidak mudah putus asa, belajar bersungguh-sungguh dan mengambil pengajaran dari perkara yang telah dipelajari. Menyediakan soalan pengukuhan untuk mengenal pasti kefahaman pelajar. 	<ul style="list-style-type: none"> Merumuskan isi penting pelajaran yang disampaikan bertujuan memastikan pelajar mengingati kembali isi-isi penting pelajaran. Mendorong pelajar rajin berusaha dan mewujudkan perasaan pencapaian di kalangan pelajar. 	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan kaedah pengukuhan melalui aktiviti penyoalan pelajar supaya pembelajaran lebih kekal dalam ingatan pelajar. Secara bersepadu menerapkan nilai murni menggunakan kaedah penyoalan dengan menyoal pelajar berkaitan nilai-nilai yang penting kepada mereka. Wujudkan perkaitan antara nilai dengan isi pelajaran. 	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan kaedah penilaian untuk mengetahui tahap kefahaman pelajar terhadap pelajaran. Secara bersepadu menasihati pelajar supaya berusaha, tidak putus asa, teliti dalam menjawab soalan. Memberi soalan latihan untuk diselesaikan.

Secara ringkas, dapatan kajian mendapati kaedah penceritaan dilaksanakan melalui aktiviti bercerita kepada pelajar isu-isu yang berkaitan dengan isi pelajaran yang akan disampaikan bertujuan untuk menarik minat dan tumpuan pelajar terhadap pengajaran. Kaedah syarahan digunakan untuk memberi penerangan tentang konsep dan fakta

perakaunan. Menerusi kaedah syarahan yang digunakan, guru perakaunan berusaha menekankan nilai yang penting dan perlu pelajar aplikasikan dalam kehidupan mereka. Kaedah perbincangan akan wujudkan interaksi dua hala antara guru dan pelajar serta membantu guru perakaunan menyisipkan nilai-nilai yang berkaitan dengan isi pelajaran. Kaedah soal jawab digunakan bertujuan untuk mengingatkan semula isi-isi penting berkaitan topik yang telah mereka pelajari di kelas dan menimbulkan keseronokan untuk belajar dalam diri pelajar. Kaedah simulasi diaplikasikan menggunakan situasi persekitaran sekolah untuk menyampaikan isi kandungan pelajaran dan secara tak langsung menerapkan nilai-nilai murni berkaitan pembangunan modal insan pelajar. Kaedah kerja kumpulan dapat digunakan oleh guru untuk menerapkan nilai murni secara tak langsung dalam pengajaran melalui aktiviti yang dijalankan. Dalam kaedah sumbang saran, guru perakaunan meminta pelajar mengeluarkan nilai-nilai yang dirasakan penting oleh mereka. Seterusnya menerusi kaedah main peranan, guru akan meminta pelajar-pelajar melakonkan watak tertentu yang berkaitan dengan isi pelajaran yang ingin disampaikan oleh guru. Kaedah ini melibatkan pelajar dalam aktiviti pengajaran-pembelajaran dan meningkatkan pemahaman mereka.

RUMUSAN

Pembangunan diri pelajar sebagai modal insan seimbang dan cemerlang bermula dari sistem pendidikan berkualiti dan berkesan. Keupayaan mencapai matlamat Falsfah Pendidikan Kebangsaan bergantung kepada kemampuan guru sebagai pelaksana proses pendidikan yang cemerlang. Pengetahuan, kemahiran, komitmen dan motivasi guru merupakan pemangkin kepada kejayaan proses penerapan nilai murni dalam pengajaran mereka. Dalam melaksanakan penerapan nilai murni dalam pengajaran, guru perakaunan perlu memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pendekatan penerapan nilai yang digunakan bagi menerap nilai dengan berkesan kepada pelajar. Dari penemuan kajian ini, pengkaji mendapati guru memainkan peranan yang dinamik dalam melaksanakan proses penerapan nilai murni dalam pengajaran Prinsip Perakaunan. Guru perlu melakukan perancangan mengajar yang teliti sebelum melaksanakan pengajaran dengan mengambil kira matlamat yang ingin dicapai, topik yang akan diajar, tahap dan kemampuan pelajar serta elemen nilai murni yang ingin diterapkan supaya pengajaran-pembelajaran Prinsip Perakaunan dapat berlangsung dengan berkesan. Kaedah pengajaran dan pendekatan penerapan nilai yang diaplikasikan dalam pengajaran perlu disesuaikan dengan topik yang diajar, tahap kemampuan pelajar dan elemen nilai murni yang ingin diterapkan. Para pelajar perlu diberi panduan dan bimbingan tentang nilai-nilai murni yang perlu dihayati, dipegang dan diamalkan serta mengingatkan kesan dari nilai-nilai negatif yang merosakkan diri mereka sekiranya diamalkan.

RUJUKAN

- American Institute of Certified Public Accountancy (AICPA) (2003). *Code of Professional Conduct*. Available at <http://www.aicpa.org/about/code/index.htm>.
- Alexander, H.A. (2002). Moral education and liberal democracy: Spiritually, community, and character in an open society. *Educational Theory*, 53, 367–388.
- Armstrong, M.B., Ketz, J.E. & Owsen, D. 2003. Ethics education in accounting: moving toward ethical motivation and ethical behavior. *Journal of Accounting Education*, 21, 1–16.
- Bishop, A.J. 2002. Research, Policy and Practice: The case of values. *Proceedings of the 3rd International MES Conference*. Copenhagen. Centre for Research in Learning Mathematics: 1–7.
- Bogdan, R.C. & Biklen, S.K. (2003). *Qualitative research for education: an introduction to theories and methods*. USA: Allyn & Bacon.
- Butroyd, R. and Somekh, B. (2001). The teachers' role in inculcating values through a mandated curriculum: isolation and instrumentalism in high school Science and language arts classrooms in England. Paper presented in AERA Conference at Seattle.
- Denig, S.J. (2008). Postmodernism and its effects on the teaching of values in public schools. Paper presented at the annual meeting of the American Educational Research Association. Montreal, Quebec.
- Denzin, N.K. & Lincoln, Y.S. (eds.). (2000). Introduction: entering the field of qualitative research. *In: Handbook of qualitative research*. Thousand Oaks. California: Sage Publications.
- Earley, C. E., and A.P. Kelly. (2004). A note on ethics educational interventions in an undergraduate auditing course: Is there an "Enron effect"? *Issues in Accounting Education*, 19, 53–72.
- Fernandes, L. (1999). Value personalisation: A base for value education. *Paper presented at the Third International Conference on Teacher Education, Theme-Almost 2000: crises and Challenges in Teacher Education*. 27 June to 1 July, 1999.
- Fulmer, W.E. dan Cargile, B.R. (2001). Ethical perceptions of the accounting students: Does exposure to a Code Professional Ethics helps? *Issues in Accounting Education*. 207–219.
- Frecka, T.J., & Nichols, W.D. (2004). Characteristics of master's in accounting degree programs. *Issues in Accounting Education*. Vol. 19. No. 2. 165–189.
- Hassan Langgulung. (1997). *Kreativiti dan pendidikan suatu kajian psikologi dan falsafah*. Cetakan ke 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haywood, M. E., McMullen, D.A. & Wygal, D.E. (2004). Using games to enhance student understanding of professional and ethical responsibilities. *Issues in Accounting Education*. February: 85–99.
- Inlay, L. (2003). Values: the implicit curriculum. A school's culture can help foster students' sense of personal and social responsibility. *Educational Leadership*. 60: 1–9.
- Jawatan Kuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan (1979). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Jenning, M.M. (2004). Incorporating ethics and professionalism into accounting education and research: A discussion of the voids and advocacy for training in seminal works in business ethics. *Issues in Accounting Education*, 19, 7–26.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2000). *Huraian Sukatan Pelajaran Prinsip Perakaunan KBSM: Tingkatan 4 dan 5*. Kuala Lumpur. Percetakan Kerajaan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. Pusat Perkembangan Kurikulum (2000). *Falsafah Pendidikan Negara*.
- Kiger, C.E. (2004). Making ethics a pervasive component of accounting education. *Management Accounting Quarterly*, 5, 1–18.

- Kohlberg, L., (1973). *Continuities in childhood and Adult Moral Development Revisited*. In *Life-Span Development Psychology: Personality and Socialization*. edited by P.B. Baltes and K.W. Schaie. New York; Academic Press.
- Langenderfer, H.Q., and Rockness, J.W. (1990). The AAA project on professionalism and ethics. Ethics in accounting curriculum: cases and readings. Florida: *American Accounting Association*.
- Lawson, R. (2002). The inclusion of business ethics in the curriculum: Issues, problems and solutions. *Issues in Accounting Education*, 4, 58–69.
- Loeb, S. E. (2003). Increasing the demand for ethics in the accounting curriculum: A public policy suggestion. *Journal of Business Ethics*.
- Madison, R.L. (2001). To what extent is ethics taught in the accounting programs in Ohio's colleges and universities? *Ohio CPA Journal* 60 (2), 39–42.
- Marohaini Yusoff (2001). Pertimbangan kritikal dalam pelaksanaan kajian kes secara kualitatif. Dlm. Marohaini Yusoff (pnyt.). *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, hlm 35-60. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mason, J., (2002). *Qualitative Researching*. 2nd Edition. London: Sage.
- McNair, F., & Milan E.E. (2003). Ethics in accounting education: What is really being done. *Journal of Business Ethics*, Vol 12, 797–809.
- McPhail, K. (2001). The other objective of ethics education: Re-humanising the accounting profession-a study of ethics education in law, engineering, medicine and accountancy. *Journal of Business Ethics*, 34, 279–299.
- Merriam, S.B. (2001). *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco: Jossey-Bass Pub.
- Mintz, S.M. (2005). Virtue ethics and accounting education. *Issues in Accounting Education*, 10, 247–267.
- Mohd Arif bin Hj. Ismail (2004). Pembangunan dan penggunaan teknik video filem (TVF): Satu kajian kes penerapan nilai-nilai murni. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Azis Nik Pa (1997). Pendidikan moral dan nilai di Malaysia: Satu analisis tentang konsep dan realiti dari perspektif bersepadu. *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Moral dan Nilai dalam Pembangunan Manusia*, hlm. 127–146.
- O'Leary, C. (2007). Meyers, N.M., Smith, B.N., Bingham, S.A. and Shimeld, S.F. (Eds.) *Proceedings of the Second Innovation and Corporate Governance Education Conference*. 31 January-2 February. Hobart. Tasmania.
- Patton, M.Q. (2001). *Qualitative research and evaluation method*. (3rd ed.). Thousand Oaks. CA: Sage Publications, Inc.
- Prencipe, A. and Helwig, C.C. (2002). The development of reasoning about the teaching of values in school and family contexts. *Child Development*, 73(3), 841–856.
- Pricewaterhouse Coopers. (2003). *Educating for the Public Trust: The Pricewaterhouse Coopers Position on Accounting Education*. New York. NY: Pricewaterhouse Coopers.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (1990). *Falsafah Pendidikan Negara dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Russell, K.A. and Smith. C. S. (2003). It's time for a new curriculum. *Strategic Finance*, 85, 1–5.
- Rancangan Malaysia Kesembilan (2006). Jabatan Perdana Menteri. Putra Jaya Malaysia.
- Shawver, T.J. (2006). An exploratory study assessing the effectiveness of a professional responsibility course. *Global Perspectives on Accounting Education*, Vol. 2, 49–66.
- Shahrin Awaluddin & Mohd Arif Ismail (2002). Paradigma tauhid: Model dan pelaksanaan. *Prosiding Pendidikan dan Pembangunan Manusia*, hlm. 20–34.
- Smith, L. M. (2003). A fresh look at accounting ethics (or Dr. Smith goes to Washington). *Accounting Horizons*, 17 (1), 47–49.

- Sommers, C.H. (2003). Teaching the virtues. *The Public Interest*, Spring, 3–13.
- Suhaida Abdul Kadir (2002). Perbandingan pembelajaran koperatif dan tradisional terhadap prestasi, atribusi pencapaian, konsep sendiri akademik dan hubungan sosial dalam Pendidikan Perakaunan. Tesis Dr. Fal. Universiti Putra Malaysia.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor' Aini Dan (2002). *Pendidikan dan pembangunan manusia: Pendekatan bersepadu*. Bangi: As-Syabab Media.
- Thorne, L. (1998). The role of virtue in auditors' ethical decision making. An integration of cognitive-developmental and virtue-ethics perspectives. *Research on Accounting Ethics*, 4, 291–308.
- Veugelers, W. (2000). *Teachers, values and critical thinking*. In: J.L. Kincheloe & S.R. Steinberg (Eds.) *Multi/Intercultural Conversations*. New York: Peter Lang.
- Waddock, S. (2005). Hollow men and women at the Helm... hollow accounting ethics? *Issues in Accounting Education*, 20, 145–150.
- Wolcott, H.F. (2008). *Writing up qualitative research*. Newbury Park, CA: Sage.
- Wyatt, A.R. (2004). Accounting Professionalism-They Just Don't get it! *Accounting Horizons*, Vol.18. No.1, 45–53.